

MPU3142

BAHASA MELAYU
KOMUNIKASI II

SELF INSTRUCTIONAL
MATERIALS

ACADEMIC YEAR 2023

**FACULTY OF BUSINESS, HUMANITIES &
HOSPITALITY**

**BACHELOR OF COMMERCE (HONOURS)
IN BANKING AND FINANCE**

TOPIK 1 ▶ Bunyi dan Sebutan I

HASIL PEMBELAJARAN

Pada akhir topik ini, anda seharusnya dapat:

1. Mengenal bunyi vokal dan menyebutnya;
2. Mengecam bunyi diftong dan menyebutnya;
3. Membezakan antara konsonan dengan gugus konsonan; dan
4. Menghuraikan konsep ungkapan dalam bahasa Melayu.

▶ PENGENALAN

Sebelum kita pelajari asas yang membentuk bahasa, iaitu bunyi dan sebutan, mari kita pelajari dahulu maksud bahasa. Apakah yang boleh anda katakan untuk mendefinisikannya?

Bahasa ialah **lambang bunyi arbitrari** yang digunakan oleh manusia untuk **menyampaikan fikiran**.

Secara umumnya, bahasa melibatkan bunyi yang bermakna. Bunyi yang membentuk makna pula terbahagi kepada beberapa jenis seperti **vokal**, **diftong** dan **konsonan**. Ketiga-tiga jenis bunyi ini akan diterangkan dalam topik ini selain menghuraikan konsep ungkapan dalam bahasa Melayu. Sudahkah anda bersedia? Ayuh, mari kita mulakan!

1.1 BUNYI VOKAL

Apakah huruf vokal dalam bahasa Melayu? Dalam bahasa Melayu, terdapat lima huruf vokal seperti yang disenaraikan dalam Rajah 1.1.



Rajah 1.1: Lima huruf vokal dalam bahasa Melayu

Untuk makluman anda, vokal „e% mempunyai dua bunyi yang berbeza, iaitu:

- (a) e pepet; dan
- (b) e taling.

Setiap huruf vokal mewakili bunyi bahasa yang berbeza-beza. Mari kita lihat huraian lanjut mengenainya dalam subtopik seterusnya.

1.1.1 Vokal a: Sebutannya /a/ (Mama)

Mari kita lihat contoh perkataan dan ayat yang mempunyai vokal a dalam Jadual 1.1.

Jadual 1.1: Contoh Perkataan dan Ayat yang Menggunakan Vokal a

Contoh Perkataan		Contoh Ayat
• mata	• sama	• Saya ada mata.
• gajah	• hala	• Nama saya Lala.
• permata	• kalah	• Bapa saya kaya.
• tanya	• jaja	
• nama	• bapa	
• kata	• kaya	



AKTIVITI 1.1

1. Sebut suku kata vokal a berikut dengan betul:

ba	fa	ja	ma	ra	wa
ca	ga	ka	na	sa	ya
da	ha	la	pa	ta	za

2. Sebut perkataan vokal a berikut dengan betul:

saya	baca	lama	kata	sama	bawa
nama	dada	pada	mara	hala	naga
raja	baja	fana	bala	pala	lara
para	bara	kaya			

3. Baca ayat vokal a berikut dengan betul:



Mama ada raga.



Bapa baca surat khabar.

1.1.2 Vokal e Pepet: Sebutannya /ə/ (*Again*)

Sekarang, kita lihat pula contoh perkataan dan ayat yang mempunyai vokal e pepet dalam Jadual 1.2.

Jadual 1.2: Contoh Perkataan dan Ayat yang Menggunakan Vokal e Pepet

Contoh Perkataan		Contoh Ayat
• beli	• peluk	• Kakak beli bedak.
• selam	• telah	• Seri masak ikan keli.
• gelas	• cepat	• Emak ada gelang emas.
• deras	• jelak	
• lemak	• bedak	
• semak	• semai	
• keli	• kedai	
• kejam	• tepat	
• geram	• jejak	

**AKTIVITI 1.2**

1. Sebut suku kata vokal e pepet berikut dengan betul:

be	ce	de	ge	he
je	ke	le	me	pe
re	se	te		


2. Sebut perkataan vokal e pepet berikut dengan betul:

emak	bedak	demam	gelas
hening	jelas	kelam	lelap
menang	pekat	remuk	senang
tenang	beli	deras	gemuk

3. Baca ayat vokal e pepet berikut dengan betul:



Gelang emak sangat mahal.



Gelas itu pecah.

1.1.3 Vokal ê Taling: Sebutannya /ê/ (*P_et*)

Apakah contoh perkataan dan ayat yang mempunyai vokal ê taling? Mari kita lihat jawapannya dalam Jadual 1.3.

Jadual 1.3: Contoh Perkataan dan Ayat yang Menggunakan Vokal ê Taling

Contoh Perkataan		Contoh Ayat
<ul style="list-style-type: none"> • êpal • êkar • rênek • pêrak • ênak • mêrah • lêwah • lênggang 	<ul style="list-style-type: none"> • sêwa • mêja • mêwah • sêmbang • lêbar • nênek • sêgak • dêndang 	<ul style="list-style-type: none"> • Rasa buah itu sangat ênak. • Nênek saya tinggal di Pêrak. • Kerêta mêwah itu berwarna mêrah.



AKTIVITI 1.3

1. Sebut suku kata vokal ê taling berikut dengan betul:

ê bê dê gê hê
mê pê tê sê


2. Sebut perkataan vokal ê taling berikut dengan betul:

bêca dêsa ênak êlak lêwah
mêwah nênek pêrak rênêk sêgak

3. Baca ayat vokal ê taling berikut dengan betul:



Saya suka makan êpal.



Bêca itu cantik.

1.1.4 Vokal i: Sebutannya /i/ (*Neat, Eat, Sheep*)

Sekarang, kita beralih pula kepada vokal i. Contoh perkataan dan ayat yang mempunyai vokal i diberi dalam Jadual 1.4.

Jadual 1.4: Contoh Perkataan dan Ayat yang Menggunakan Vokal i

Contoh Perkataan		Contoh Ayat
• b̄ila	• k̄ira	• Bilik ini bising.
• b̄ilik	• l̄ihat	• Kami tinggal di hilir sungai.
• c̄ir̄i	• l̄ip̄at	• Pisau itu pisau lipat.
• diri	• minat	
• didik	• misi	
• gila	• pisau	
• fikir	• tiris	
• hilir	• tiru	
• jiran	• sikit	
• kiri	• visi	



AKTIVITI 1.4

1. Sebut suku kata vokal i berikut dengan betul:

i bi ci di fi gi hi ji
ki li mi ni pi ri ti si


2. Sebut perkataan vokal i berikut dengan betul:

ikan bilis cipan diri fikir
gilir hijau jiwa kira lipas
kipas minyak pisau risau tikus

3. Baca ayat vokal i berikut dengan betul:



Ikan ini ada sirip.



Bilik itu cantik.



1.1.5 Vokal o: Sebutannya /o/ (Note, Vote)

Mari kita lihat pula kepada vokal o. Cuba sebut suku kata vokal o berikut dengan betul:

- | | |
|--------|--------|
| (a) bo | (h) lo |
| (b) co | (i) mo |
| (c) do | (j) no |
| (d) go | (k) po |
| (e) ho | (l) ro |
| (f) jo | (m) so |
| (g) ko | (n) to |

Cuba sebut contoh perkataan dan ayat yang mempunyai vokal o yang disenaraikan dalam Jadual 1.5.

Jadual 1.5: Contoh Perkataan dan Ayat yang Menggunakan Vokal o

Contoh Perkataan		Contoh Ayat
<ul style="list-style-type: none"> • b<u>o</u>la • c<u>o</u>gan • d<u>o</u>dol • g<u>o</u>sok • h<u>o</u>tel • j<u>o</u>ki • k<u>o</u>song 	<ul style="list-style-type: none"> • l<u>o</u>bak • m<u>o</u>tor • n<u>o</u>mbor • p<u>o</u>kok • r<u>o</u>sak • s<u>o</u>rak • t<u>o</u>lak 	<ul style="list-style-type: none"> • Bola ini bola saya. <div style="text-align: center;">  </div> <ul style="list-style-type: none"> • Lobak ialah makanan arab. <div style="text-align: center;">  </div>

1.1.6 Vokal u: Sebutannya /u/ (*Good*)

Akhir sekali, mari kita pelajari vokal u. Anda boleh lihat contoh perkataan dan ayat yang menggunakan vokal u dalam Jadual 1.6.

Jadual 1.6: Contoh Perkataan dan Ayat yang Menggunakan Vokal u

Contoh Perkataan		Contoh Ayat
• <u>u</u> lar	• s <u>u</u> s <u>u</u>	• Budak itu minum susu.
• g <u>u</u> la	• c <u>u</u> ba	• Kulit buku itu tebal.
• m <u>u</u> suh	• j <u>u</u> ga	• Tutup susu itu.
• t <u>u</u> tup	• p <u>u</u> la	
• b <u>u</u> luh	• d <u>u</u> ga	
• h <u>u</u> lu	• k <u>u</u> lat	
• n <u>u</u> sa	• r <u>u</u> sa	



AKTIVITI 1.5

1. Sebut suku kata vokal u berikut dengan betul:

u bu cu du gu
hu lu ku ju mu

2. Sebut perkataan vokal u berikut dengan betul:

ulung buka cuba duduk gula
hujung lubuk kurus jujur mulut

3. Baca ayat vokal u berikut dengan betul:



Buah duku itu manis.




Lembu itu kurus.

1.2 BUNYI DIFTONG

Dalam bahasa Melayu, terdapat unsur bunyi diftong. Apakah yang dimaksudkan dengan bunyi diftong?

Bunyi diftong ialah bunyi yang terhasil daripada **gabungan dua bunyi vokal**.

Dalam bahasa Melayu terdapat tiga jenis bunyi diftong seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1.2.



Rajah 1.2: Tiga jenis bunyi diftong dalam bahasa Melayu

Ketiga-tiga bunyi diftong ini akan diterangkan dengan lebih lanjut dalam subtopik seterusnya.

1.2.1 Diftong ai

Apakah perkataan yang mempunyai diftong ai? Mari kita lihat Jadual 1.7 yang menyenaraikan beberapa contoh perkataan dan ayat yang mempunyai diftong ai.

Jadual 1.7: Contoh Perkataan dan Ayat yang Menggunakan Diftong ai

Contoh Perkataan		Contoh Ayat
• ram <u>ai</u>	• sung <u>ai</u>	• Ramai orang mandi di sungai.
• ked <u>ai</u>	• keld <u>ai</u>	• Emak menggunakan serai untuk memasak gulai.
• pand <u>ai</u>	• ser <u>ai</u>	• Kami ke kedai untuk membeli sehelai baju.
• gul <u>ai</u>	• bel <u>ai</u>	

Cuba anda buat latihan lisan bersama rakan sekuliah dengan menyebut perkataan dalam Jadual 1.7 tadi dengan betul.

1.2.2 Diftong au

Sekarang, mari kita pelajari tentang diftong au. Jadual 1.8 menyenaraikan beberapa contoh perkataan dan ayat yang mempunyai diftong au.

Jadual 1.8: Contoh Perkataan dan Ayat yang Menggunakan Diftong au

Contoh Perkataan		Contoh Ayat
<ul style="list-style-type: none"> • kal<u>au</u> • kac<u>au</u> • harim<u>au</u> • pul<u>au</u> • ris<u>au</u> • kemar<u>au</u> 	<ul style="list-style-type: none"> • pis<u>au</u> • gur<u>au</u> • kic<u>au</u> • hij<u>au</u> • lim<u>au</u> • pant<u>au</u> 	<ul style="list-style-type: none"> • Tumbuhan di pulau itu sangat hijau. • Emak memotong limau menggunakan pisau. • Harimau ialah binatang yang suka merayau.

Buat latihan dengan menyebut perkataan dalam Jadual 1.8 tadi dengan betul.

1.2.3 Diftong oi

Akhir sekali, mari kita pelajari tentang diftong oi. Beberapa contoh perkataan dan ayat yang mempunyai diftong oi disenaraikan dalam Jadual 1.9.

Jadual 1.9: Contoh Perkataan dan Ayat yang Menggunakan Diftong oi

Contoh Perkataan		Contoh Ayat
<ul style="list-style-type: none"> • dod<u>oi</u> • sek<u>oi</u> • sep<u>oi</u> 	<ul style="list-style-type: none"> • kal<u>oi</u> • ambo<u>oi</u> • kob<u>oi</u> 	<ul style="list-style-type: none"> • Angin sepoi bertiup di tepi sungai. • Adik saya ada seekor ikan kaloi. • Sekoi ialah sejenis tanaman makanan.

Jangan lupa, buat latihan menyebut perkataan dalam Jadual 1.9 tadi dengan betul.



SEMAK KENDIRI 1.1

Kenal pasti perkataan yang mempunyai diftong dalam Jadual 1.10. Isikan jawapan anda dalam lajur kedua dan ketiga.

Ayat	Diftong	
	Perkataan	Jenis
1. Saya membeli roti di kedai.		
2. Hafiz memelihara seekor ikan kaloi.		
3. Adik memakai baju baharu.		
4. Emak memotong sayur dengan pisau.		
5. Bapa telah pergi ke surau.		
6. Nenek mendodoikan adik di ruang tamu.		

1.3 KONSONAN DAN GUGUS KONSONAN

Dalam subtopik ini, kita akan mempelajari konsonan dan gugus konsonan. Mula-mula, kita lihat dahulu perihal konsonan.

1.3.1 Konsonan

Apakah yang dimaksudkan dengan huruf konsonan?

Huruf konsonan ialah **huruf selain daripada huruf vokal.**

Tahukah anda dalam bahasa Melayu, terdapat sebanyak **21 huruf konsonan**? Apakah huruf tersebut? Mari kita lihat Rajah 1.3 yang menyenaraikannya.



Rajah 1.3: Huruf konsonan bahasa Melayu

Huruf konsonan ini akan membentuk suku kata dalam perkataan apabila digabungkan dengan huruf vokal lain seperti yang disenaraikan dalam Jadual 1.11.

Jadual 1.11: Gabungan Huruf Konsonan dan Huruf Vokal

Konsonan	Vokal					
	a	e	ê	i	o	u
b	ba	be	bê	bi	bo	bu
c	ca	ce	cê	ci	co	cu
d	da	de	dê	di	do	du
f	fa	fe	fê	fi	fo	fu
g	ga	ge	gê	gi	go	gu
h	ha	he	hê	hi	ho	hu
j	ja	je	jê	ji	jo	ju
k	ka	ke	kê	ki	ko	ku
l	la	le	lê	li	lo	lu
m	ma	me	mê	mi	mo	mu
n	na	ne	nê	ni	no	nu
p	pa	pe	pê	pi	po	pu
q	qa	qe	qê	qi	qo	qu
r	ra	re	rê	ri	ro	ru
s	sa	se	sê	si	so	su
t	ta	te	tê	ti	to	tu
v	va	ve	vê	vi	vo	vu
w	wa	we	wê	wi	wo	wu
x	xa	xe	xê	xi	xo	xu
y	ya	ye	yê	yi	yo	yu
z	za	ze	zê	zi	zo	zu

Cuba sebut suku kata yang disenaraikan dalam Jadual 1.11 tadi dengan betul.

1.3.2 Gugus Konsonan

Sekarang, mari kita beralih pula pada gugus konsonan. Apakah yang dimaksudkan dengan gugus konsonan?

Gugus konsonan ialah **gabungan dua huruf konsonan** untuk membentuk bunyi tertentu yang tidak dapat diwakili oleh bunyi-bunyi konsonan.

Dengan kata lain, gugus konsonan ialah gabungan dua huruf konsonan untuk membentuk bunyi yang tidak dapat dihasilkan oleh satu bunyi konsonan secara solo. Oleh sebab itu, ia perlu digabungkan untuk menghasilkan bunyi tertentu.

Apakah elemen gugus konsonan dalam bahasa Melayu? Terdapat lima gugus konsonan dalam bahasa Melayu seperti yang disenaraikan dalam Rajah 1.4.



Rajah 1.4: Lima gugus konsonan dalam bahasa Melayu

Apakah contoh perkataan yang dieja menggunakan gugus konsonan? Contoh perkataan yang dieja menggunakan gugus konsonan ialah:

- (a) Ghaib;
- (b) Khemah;
- (c) Nganga;
- (d) Nyanyi; dan
- (e) Syarat.



AKTIVITI 1.6

1. Sebut suku kata gugus konsonan berikut dengan betul (lihat Jadual 1.12).

Jadual 1.12: Suku Kata Gugus Konsonan

Konsonan	Vokal					
	a	e	ê	i	o	u
gh	gha	ghe	ghê	ghi	gho	ghu
kh	kha	khe	khê	khi	kho	khu
ng	nga	nge	ngê	ngi	ngo	ngu
ny	nya	nye	nyê	nyi	nyo	nyu
sy	sya	sye	syê	syi	syo	syu

2. Sebut perkataan yang menggunakan gugus konsonan berikut dengan betul:

<u>gh</u> aib	<u>gh</u> azal	<u>kh</u> abar	<u>kh</u> emah
<u>ng</u> anga	ken <u>an</u> gan	<u>ny</u> yany	<u>ny</u> yanyuk
<u>ny</u> amuk	pen <u>ny</u>	<u>sy</u> arat	<u>sy</u> arikat
3. Baca ayat yang menggunakan gugus konsonan berikut dengan betul. Kemudian, garis perkataan yang mempunyai gugus konsonan.
 - (a) Penyanyi itu menyanyi di bawah khemah.
 - (b) Anda perlu memenuhi syarat untuk bekerja di syarikat itu.
 - (c) Kumpulan ghazal itu mempersembahkan lagu-lagu kenangan.
 - (d) Masyarakat setempat perlu berusaha untuk memusnahkan tempat pembiakan nyamuk aedes.
 - (e) Penyanyi itu bertanya khabar sebelum memulakan persembahan.
 - (f) Bunga kenanga itu berbau wangi.
 - (g) Penyelia itu bersuara nyaring apabila memanggil pekerjaanya.
 - (h) Penyus merupakan khazanah alam yang semakin pupus.



SEMAK KENDIRI 1.2

1. Jelaskan apakah yang anda faham tentang gugus konsonan.

1.4

UNGKAPAN BAHASA MELAYU

Sebelum kita akhiri topik pertama ini, mari kita pelajari tentang ungkapan dalam bahasa Melayu. Dalam perbualan bahasa Melayu, terdapat pelbagai ungkapan biasa yang sering digunakan. Ungkapan ini digunakan untuk berkomunikasi dengan rakan atau orang lain.

Apakah contoh ungkapan? Mari kita lihat beberapa contoh ungkapan dalam Jadual 1.13. Baca ungkapan tersebut dengan sebutan yang betul.

Jadual 1.13: Contoh Ungkapan dalam Bahasa Melayu

Ungkapan dalam Bahasa Melayu	Terjemahan dalam Bahasa Inggeris
Selamat pagi.	<i>Good morning.</i>
Selamat tengah hari.	<i>Good afternoon.</i>
Selamat petang.	<i>Good afternoon.</i> <i>Good evening.</i>
Selamat malam.	<i>Good night.</i>
Selamat datang.	<i>Welcome.</i>
Apa khabar?	<i>How are you?</i>
Khabar baik, terima kasih.	<i>I am fine, thank you.</i>
Selamat jalan – Diucapkan kepada orang yang beredar meninggalkan sesuatu tempat atau majlis.	<i>Goodbye.</i>
Selamat tinggal – Diucapkan kepada tuan rumah apabila kita beredar.	<i>Goodbye.</i>
Di manakah awak tinggal?	<i>Where do you live?</i>



SEMAK KENDIRI 1.3

1. Apakah yang anda ucapkan kepada rakan ketika bertemu?

RUMUSAN

- Bunyi vokal dalam bahasa Melayu ada enam, iaitu:
 - Bunyi vokal a;
 - Bunyi vokal e pepet;
 - Bunyi vokal e taling;
 - Bunyi vokal i;
 - Bunyi vokal o; dan
 - Bunyi vokal u.
- Bunyi diftong dalam bahasa Melayu ada tiga, iaitu:
 - Bunyi diftong ai;
 - Bunyi diftong au; dan
 - Bunyi diftong oi.
- Terdapat 21 huruf konsonan dalam bahasa Melayu. Ia merujuk kepada huruf selain daripada huruf vokal dan akan membentuk suku kata dalam perkataan apabila digabungkan dengan huruf vokal.
- Gugus konsonan ialah gabungan dua huruf konsonan untuk membentuk bunyi tertentu yang tidak dapat diwakili oleh bunyi konsonan.

- Gugus konsonan dalam bahasa Melayu ada lima, iaitu:
 - Gugus konsonan gh;
 - Gugus konsonan kh;
 - Gugus konsonan ng;
 - Gugus konsonan ny; dan
 - Gugus konsonan sy.
- Dalam perbualan bahasa Melayu, terdapat banyak ungkapan biasa yang sering digunakan untuk berkomunikasi dengan rakan atau orang lain.
- Contoh ungkapan ialah selamat pagi, apa khabar dan selamat jalan.

KATA KUNCI

Diftong

Ungkapan

Gugus konsonan

Vokal

Konsonan



RUJUKAN

Ab Rahman Ab Rashid, & Yap Kim Fatt. (1997). *Bahasa Melayu komunikasi 1*.

Petaling Jaya, Malaysia: Longman Malaysia.

Ab Rahman Ab Rashid, & Yap Kim Fatt. (1998). *Bahasa Melayu komunikasi 3*.

Petaling Jaya, Malaysia: Longman Malaysia.

Zarina Othman, Roosfa Hashim, & Rusdi Abdullah. (2012). *Modul komunikasi bahasa Melayu antarabangsa*. Bangi, Malaysia: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.